

01 FEB 1997

Mahathir-Perpaduan

KEKALKAN PERPADUAN KAUM AGAR NEGARA TERUS MAJU, KATA DR MAHATHIR

LANGKAWI, 1 Feb (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad malam ini menasihati rakyat supaya terus mengekalkan perpaduan kaum bagi menjamin negara terus aman dan mencapai kemajuan.

Perdana Menteri berkata perselisihan faham dan perpecahan antara kaum hanya merugikan semua pihak dan akibatnya negara menjadi huru-hara sehingga menyukarkan ia mencapai kemajuan.

"Umat Islam perlu bersatu padu sesama mereka selain menjalin hubungan yang baik dengan masyarakat yang menganut agama lain, barulah kita semua berjaya," katanya ketika berucap pada majlis berbuka puasa bersama rakyat di Masjid Riadusz Solihin, Padang Lalang, di sini.

Dr Mahathir berkata bahawa rakyat Malaysia harus bersyukur negara berada dalam keadaan aman dan mereka menjalani kehidupan tanpa persengketaan.

Di sesetengah negara umat Islam sendiri berkelahi sesama mereka dan ini menimbulkan pelbagai masalah termasuk keselamatan diri yang tidak terjamin.

Beliau berkata rakyat Malaysia perlu bersyukur dengan kemakmuran yang dinikmati dan pada masa yang sama, tidak mudah alpa dengan kesenangan hidup dan keamanan yang dirasai.

Perdana Menteri juga menasihati penduduk di Langkawi agar menerima pembangunan yang berlaku di pulau ini tanpa rasa syak wasangka terhadap orang lain yang melabur di tempat mereka.

Menurut beliau, pelaburan yang dibawa masuk ke Langkawi untuk membangunkan pulau itu dan hasil daripada kemajuan itu memberikan banyak manfaat kepada penduduk tempatan.

Antara kesan daripada pembangunan ialah nilai tanah di pulau ini yang dahulunya begitu murah kini telah meningkat sehingga ada di kalangan penduduk yang menjadi jutawan, katanya.

Dr Mahathir berkata pembangunan di Langkawi membuka pelbagai peluang kepada penduduk tempatan, antara dalam bidang pekerjaan dan perniagaan.

Pembangunan di Langkawi, katanya, menarik minat orang ramai termasuk rakyat asing untuk berkunjung ke sini dan kedatangan mereka membawa rezeki kepada penduduk tempatan.

"Walaupun pelancong tinggal di hotel dan berbelanja di situ, namun kesan daripada kemajuan pulau ini membuka banyak peluang kepada penduduk terutamanya untuk berniaga yang membawa keuntungan yang besar," katanya lagi.

Terdahulu itu setibanya di sini petang ini, Perdana Menteri menaiki sebuah helikopter untuk membuat tinjauan dari udara beberapa projek yang sedang dilaksanakan di sekitar pulau ini.

Antaranya ialah Marina Pulau Rebak, projek pembesaran landasan Lapangan Terbang Antarabangsa Langkawi serta jeti kapal penumpang di Tanjung Malai.

-- BERNAMA

MFJ PR